

PEMEROLEHAN BAHASA KANAK-KANAK MELAYU BERASASKAN TEORI PEMEROLEHAN BAHASA OLEH STEINBERG (1995)

Vijayalethchumy a/p Subramaniam

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu berasaskan teori pemerolehan bahasa oleh Steinberg (1995). Pemerhatian dilakukan ke atas 40 orang kanak-kanak bangsa Melayu yang mencakupi empat tahap pemeringkatan pemerolehan bahasa. Tempat kajian kanak-kanak tersebut adalah di Taman Asuhan Kanak-kanak Mardi, Serdang, dan Tadika Perpaduan Taman Sri Serdang, Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian untuk melihat aspek pemerolehan dan kecekapan berbahasa kanak-kanak. Bahan-bahan berupa gambar digunakan untuk aktiviti bercerita yang bertujuan merangsang kanak-kanak untuk bertutur. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Dapatkan kajian didapati menyokong pendapat Steinberg (1995), iaitu kecekapan pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak bergantung pada peringkat umur.

Abstract

The aim of this research is to identify language acquisition among Malay children based on the language acquisition theory suggested by Steinberg (1995). Studies and observations were made on 40 Malay children which consist of four levels of language acquisition. This study was carried out at the MARDI Kindergarten, Serdang, and Kindergarten Perpaduan Taman Sri Serdang, Selangor. This study was based on the observation approach on the aspects of acquisition and excellence in mastering language among children. Picture based aids were used in activities to arouse them to speak. This study focuses on the qualitative and quantitative approach. The results of this study supported Steinberg's discovery (1995) that the excellence in language acquisition among children depends on the age level.

PENDAHULUAN

Keupayaan untuk mengembangkan bahasa berlaku kepada semua kanak-kanak yang mempunyai fungsi otak yang normal tanpa mengira bangsa, latar budaya, atau kecerdasan menyeluruh. Hasil kajian Steinberg (1995) menunjukkan bahawa kanak-kanak dapat mengembangkan sistem linguistik yang kompleks, bergerak dari peringkat vokalisasi ke peringkat ayat kompleks dalam jangka masa yang singkat, iaitu ketika kanak-kanak berumur lebih kurang empat hingga lima tahun.

Walaupun orang dewasa menyangka bahawa mereka sedang “mengajar” anak-anak mereka bercakap, belum terdapat sebarang kajian yang meyakinkan bahawa kanak-kanak memerlukan arahan yang khusus daripada orang tua mereka. Mengikut Steinberg (1995), pemerolehan bahasa kanak-kanak berkembang mengikut satu susun atur yang bermula dari peringkat vokalisasi, kemudian meningkat ke peringkat holofrasa, telegrafik dan berakhir di peringkat perkembangan ayat kompleks. Walaupun kanak-kanak yang menjadi sampel kajian Steinberg terdiri daripada kanak-kanak berbangsa Inggeris, penyelidik berpendapat bahawa teori yang lahir daripada kajian tersebut boleh diaplikasikan oleh penyelidik terhadap kanak-kanak Melayu. Oleh sebab itu, penyelidik mengambil keputusan untuk membuat satu kajian tentang peringkat pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak Melayu berdasarkan teori pemerolehan bahasa yang pernah digunakan oleh Steinberg pada tahun 1995.

Tinjauan Kajian yang Berkaitan

Sinclair (1970), salah seorang ahli kognitif tulen telah menjalankan kajian tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak berdasarkan kerangka Piaget (1953). Beliau sependapat dengan Piaget tentang peringkat pemerolehan bahasa yang menggambarkan kecekapan kognitif pusat. Kecekapan kognitif diperoleh kanak-kanak melalui pengalaman dengan objek dan tindakan dalam persekitaran, bukan melalui interaksi bahasa semata-mata. Menurut Sinclair (1970), sumber peringkat bahasa adalah pada peringkat motor-deria, iaitu ketika kanak-kanak berumur antara 18 bulan hingga dua tahun. Pada peringkat umur tersebut, seseorang kanak-kanak melibatkan diri secara aktif dalam persekitarannya dan hasil daripada tindakan tersebut terbentuklah pola-pola tindakan yang digelar skema. Pola-pola ini diperkembangkan serta dibezakan antara satu dengan yang lain. Setelah struktur kognitif ini terbentuk, kanak-kanak tersebut bertukar menjadi organisma

yang berpengetahuan berbeza dengan keadaan yang sebelumnya, iaitu hanya sebagai organisma yang bertindak (Sinclair, 1970). Kanak-kanak tersebut dapat menggambarkan pengetahuannya melalui berbagai-bagai bentuk simbolik seperti permainan simbolik, lukisan, gambaran mental, dan bahasa. Penggunaan ujaran holofrasis merupakan gambaran contoh urutan ujaran yang pertama didengar oleh kanak-kanak, dan merupakan makna pertama yang diketahuinya.

Biasanya, makna ujaran pertama kanak-kanak tidak semestinya sama dengan makna orang dewasa kerana makna kanak-kanak berlandaskan pola tindakan mereka sendiri. Makna kanak-kanak itu juga boleh merupakan pencirian mereka tentang kesan pola tindakan itu terhadap orang lain. Kanak-kanak juga sering memperluas makna sesuatu objek ataupun menyempitkan definisi sesuatu situasi supaya definisi tersebut dapat digunakan pada objek dan situasi lain. Sinclair berpendapat bahawa makna perkataan awal kanak-kanak mempunyai sifat yang tidak tetap kerana kanak-kanak membuat generalisasi secara subjektif terhadap tindakan-tindakan yang dilakukan oleh mereka. Kanak-kanak juga tidak dapat membezakan sifat-sifat umum atau sifat-sifat khusus sesuatu tindakan.

Walau bagaimanapun, apabila kebolehan kognitif seseorang kanak-kanak itu berkembang, kebolehan bahasanya juga turut berkembang. Bahasanya mampu menggambarkan beberapa fungsi yang mungkin tidak tergambar pada peringkat yang sebelumnya. Walaupun demikian, seseorang kanak-kanak tidak dapat menggambarkan konsep serta hukum-hukum yang abstrak melalui bahasa sebelum mereka sampai ke peringkat perkembangan kognitif yang lebih lanjut. Hanya pada peringkat operasi konkret (yakni pada peringkat umur tujuh hingga 12 tahun) barulah kanak-kanak tersebut dapat membandingkan pola tindakan (skema) yang lebih kompleks seperti hukum pengekalan, konsep hubungan, pemasukan kelas dan pensirian. Pada peringkat itu, seseorang kanak-kanak dapat mengembangkan pengetahuannya secara khusus tentang objek-objek di persekitarannya. Justeru, pengetahuan bahasanya juga akan berkembang.

Sinclair (1970) telah mengukuhkan pendapatnya dengan menggunakan bukti-bukti daripada percubaannya. Dalam percubaannya, Sinclair telah melaksanakan tugas pengekalan dan pensirian. Piaget membahagiakan kanak-kanak kepada tiga kumpulan, iaitu bukan pengekal (*non-conservers*), pertengahan, dan pengekal (*conservers*). Beliau mendapati bahawa kedua-dua kumpulan ekstrem, pengekal dan bukan pengekal, menggunakan istilah yang berbeza untuk menghuraikan bahan-bahan dalam tugasannya yang diberikan. Terdapat tiga perbezaan yang paling ketara antara kedua-dua kumpulan

ini. Pertama, kumpulan bukan pengekal menggunakan istilah yang tidak berbeza bagi menghuraikan dua dimensi. Istilah ‘kecil’ digunakan bagi menunjukkan panjang dan lebar. Sebaliknya, kumpulan pengekal menggunakan perkataan yang berbeza bagi menghuraikan kedua-dua dimensi ini. Kedua, kumpulan bukan pengekal lebih banyak menggunakan istilah mutlak daripada istilah perbandingan. Ketiga, kedua-dua kumpulan menggunakan ayat-ayat yang berbeza bagi menghuraikan dua objek yang berbeza dari segi dimensi. Kumpulan bukan pengekal hanya menghuraikan dimensi, yakni menggunakan empat ayat yang berlainan untuk menghuraikan kedua-dua objek tersebut. Namun, kumpulan pengekal pula dapat menggabungkan kedua-dua dimensi itu dalam satu ayat, contohnya “*This pencil is long (er) but thin (er), the other is short but thick*” (Sinclair, 1969:196).

Cromer (1976) telah mengkritik hasil kajian Sinclair. Pada pendapat Cromer, bukti-bukti daripada percubaan Sinclair ini tidak mencukupi untuk membuat kesimpulan bahawa sesuatu struktur bahasa ditentukan oleh pemikiran operasional. Cromer telah menunjukkan satu bukti daripada percubaan Sinclair yang dapat dihuraikan dari sudut pandangan yang lain seperti yang dinyatakan oleh Sinclair. Cromer menegaskan bahawa setengah-setengah daripada ahli kumpulan bukan pengekal dalam kajian Sinclair dapat menggunakan bentuk bahasa yang terdapat pada peringkat perkembangan yang lebih lanjut. Cromer berpendapat bahawa bukti-bukti tersebut boleh juga dihuraikan sebagai kanak-kanak dalam kumpulan tersebut sedang menguasai struktur yang boleh menghasilkan pengekalan.

Walaupun terdapat kesangsian tentang hasil kajian Sinclair (1970) seperti yang dinyatakan di atas, hasil percubaannya pada bahagian kedua lebih jelas menggambarkan kepentingan pemikiran operasional terhadap peringkat bahasa. Dalam bahagian ini, Sinclair telah mencuba melatih kumpulan bukan pengekal untuk menggunakan bahasa yang terdapat pada peringkat perkembangan yang lebih lanjut. Beliau mendapati bahawa sesetengah kanak-kanak dapat menggunakan istilah bagi menyatakan konsep yang dilatih tanpa memahami makna istilah yang digunakan itu. Jadi, Sinclair membuat kesimpulan bahawa latihan lisan kurang berkesan terhadap pemerolehan sesuatu operasi sekiranya kanak-kanak belum sampai ke peringkat perkembangan intelek yang tertentu.

Kebanyakan kajian Sinclair dijalankan pada peringkat awal perkembangan bahasa. Sebagai seorang ahli kognitif tulen, Sinclair lebih berminat untuk mengkaji perkembangan kebolehan kognitif dalaman. Hubungan perkembangan kebolehan kognitif ini dengan bahasa hanya merupakan tujuan kajiannya yang sekunder. Analisis kajiannya tertumpu pada peringkat

motor-deria dan selanjutnya Sinclair cuba pula menghubungkan pembentukan skema pada peringkat tersebut dengan ciri-ciri bahasa yang tertentu.

Berdasarkan pendapat Sinclair, dapat dirumuskan bahawa manusia telah dilengkapi suatu alat khas secara semula jadi untuk berbahasa dengan mudah dan cepat. Seterusnya, beliau menegaskan bahawa kanak-kanak akan mengatur data dari alam sekeliling, kemudian akan membuat hipotesisnya sendiri dengan menggunakan kebolehan semula jadi yang ada dalam dirinya. Dapatan Sinclair ini amat berguna kepada penyelidik untuk mengkaji perkembangan pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu.

Peringkat pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak Melayu yang dikaji ialah vokalisasi, holofrasa, telegrafik, dan ayat kompleks. Pemerolehan bahasa yang dikaji ialah pemerolehan bahasa pertama kanak-kanak Melayu.

Objektif Kajian

Objektif kajian bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti penggunaan bunyi-bunyi suku kata vokal dan konsonan vokal bagi kanak-kanak Melayu yang berumur antara enam bulan hingga 11 bulan (tahap vokalisasi); menentukan kegunaan kata tunggal bagi tujuan yang berlainan bagi kanak-kanak Melayu yang berumur antara 10 bulan hingga 18 bulan (tahap holofrasa); mengenal pasti pertuturan dua patah dan tiga patah kata berserta dengan tujuannya bagi kanak-kanak Melayu yang berumur antara 18 bulan ke atas (tahap telegrafik); menganalisis ayat yang mengandungi kata nama, kata kerja dan kata adjektif bagi kanak-kanak Melayu yang berumur antara empat hingga lima tahun (tahap perkembangan ayat kompleks).

DEFINISI OPERASIONAL

Pemerolehan Bahasa

Pemerolehan bahasa yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pemerolehan bahasa pertama kanak-kanak Melayu. Terdapat empat peringkat dalam peringkat pemerolehan bahasa, iaitu vokalisasi, holofrasa, telegrafik, dan peringkat ayat-ayat kompleks.

i. Vokalisasi

Penggunaan bunyi-bunyi bahasa, terutamanya suka kata vokal dan konsonan vokal seperti [a], [u], [ma], [gi], [pa]. Umur kanak-kanak di peringkat ini adalah antara enam bulan hingga 11 bulan.

ii. Holofrasa

Kata tunggal yang sama digunakan oleh kanak-kanak untuk tujuan yang berlainan. Purata umur kanak-kanak di peringkat ini adalah di sekitar 10 hingga 18 bulan.

iii. Telegrafik

Pertuturan yang mengandungi idea-idea rumit dengan tujuan yang berlainan, misalnya meminta, memberi amaran, menolak permintaan, bercakap besar, bertanya, menjawab, dan memberitahu. Pertuturan juga digunakan untuk melahirkan idea-idea seperti kuantiti, milikan, nafian, lokasi dan atribut atau sifat semula jadi yang ada pada seseorang atau benda. Kanak-kanak di peringkat ini berumur antara 18 bulan ke atas.

iv. Peringkat ayat kompleks

Kanak-kanak mula menggunakan ayat negatif atau nafian, soalan, klausa relatif, dan struktur lain yang kompleks. Kanak-kanak di peringkat ini berumur antara empat hingga lima tahun.

Kanak-kanak Melayu

Kanak-kanak dalam kaji ini terdiri daripada kanak-kanak yang berasal dari-pada keluarga yang bertutur dalam bahasa Melayu, dan kurang dipengaruhi oleh dialek bahasa Melayu berdasarkan daerah atau negeri. Kanak-kanak ini dipilih berdasarkan kehomogenan kaum, iaitu semua kanak-kanak berbangsa Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda, sama ada di rumah atau di tadika.

Persampelan

Jenis persampelan yang digunakan bagi maksud kajian ini ialah jenis rawak berlapis tidak berkadar. Secara prinsipnya, saiz sampel yang dipilih bagi setiap lapisan berdasarkan peringkat dan pemeringkatan kanak-kanak memperoleh bahasa, iaitu bermula dari peringkat vokalisasi hingga ke peringkat ayat kompleks. Sampel terdiri daripada 20 orang kanak-kanak lelaki dan 20 orang kanak-kanak perempuan.

Kaedah Kajian

Dalam usaha untuk mendapatkan maklumat tentang taraf pemerolehan bahasa kanak-kanak di sekitar kawasan Serdang, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian dan kaedah analisis kandungan.

Kaedah Pemerhatian

Melalui kaedah pemerhatian, penyelidik membuat pemerhatian terhadap tingkah laku kanak-kanak berinteraksi dengan orang dewasa. Di samping itu, penyelidik juga berbual-bual dan bersoal jawab dengan kanak-kanak tersebut. Bagi merangsang kanak-kanak berinteraksi dengan penyelidik dan kawan-kawannya, bahan-bahan konkret seperti gambar dan benda-benda di persekitaran kehidupan kanak-kanak digunakan.

Kaedah Analisis Kandungan

Melalui kaedah analisis kandungan pula, penyelidik menganalisis setiap ujaran, perkataan, dan ayat yang dilafazkan oleh kanak-kanak. Penyelidik mengklasifikasikan ujaran, perkataan dan ayat yang terkandung dalam lisan kanak-kanak tersebut.

ALAT KAJIAN

1. Pita Rakaman Mudah Alih

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pita rakaman mudah alih. Penyelidik merakam ujaran kanak-kanak dengan bantuan ahli keluarga kanak-kanak. Keluarga kanak-kanak membuat rakaman ujaran kanak-kanak tanpa mengehadkan masa. Bagi merangsang kanak-kanak menghasilkan bunyi, penyelidik menggunakan alat-alat permainan yang boleh mengeluarkan bunyi seperti loceng tangan, siren, dan alat-alat ketukan yang boleh menarik perhatian kanak-kanak.

2. Rakaman Pertuturan Kanak-kanak

Penyelidik merakamkan pertuturan kanak-kanak yang dikaji dalam pelbagai situasi semasa dalam lingkungan keluarga kanak-kanak tersebut. Bentuk interaksi bagi rakaman ini terdiri daripada yang dirancang dan yang tidak dirancang. Untuk memperoleh dapatan yang lebih berkesan dan autentik, yang tidak dirancang banyak digunakan. Penyelidik juga menggunakan gambar-gambar objek seperti manusia, binatang, alat permainan, sayur-sayuran, situasi semasa, dan perkakas di rumah kanak-kanak. Pengalaman kanak-kanak turut digunakan dan dianggap sebagai alat kajian.

3. Buku Catatan dan Gambar-gambar Objek

Selain rakaman, penyelidik juga menggunakan buku catatan untuk mencatat

percakapan yang penting. Kata-kata fungsi dan infleksi dikaji dengan menggunakan gambar-gambar objek. Penyelidik terus menggunakan pita rakaman mudah alih sebagai alat kajian pada tahap ini. Penyelidik menggunakan gambar-gambar objek yang ada dalam pengalaman kanak-kanak yang dikaji seperti gambar-gambar binatang, benda, dan pemandangan. Catatan-catatan perbualan semasa berinteraksi dengan subjek kajian dikumpul dan dianalisis oleh penyelidik.

4. Aktiviti Mewarna dan Bercerita

Penyelidik membuat pemerhatian terhadap pertuturan kanak-kanak sewaktu berinteraksi dengan penyelidik dan guru tadika. Penyelidik menyediakan dua aktiviti untuk kanak-kanak yang dikaji. Aktiviti yang dilakukan oleh kanak-kanak tersebut ialah mewarna gambar-gambar dan bercerita tentang gambar-gambar yang diwarnai serta bercerita berdasarkan gambar bersiri yang disediakan.

Tatacara Kajian

Penyelidik menggunakan pendekatan pemerhatian bagi setiap peringkat pemerolehan bahasa kanak-kanak. Bagi kanak-kanak yang berada pada peringkat vokalisasi, peringkat holofrasa, dan peringkat telegrafik, penyelidik memohon bantuan ahli keluarga kanak-kanak yang dikaji untuk merakam setiap ujaran dengan menggunakan pita rakaman mudah alih tanpa mengehadkan masa. Penyelidik memberikan masa 20 hari bagi tujuan rakaman ujaran kanak-kanak tersebut supaya mereka kanak-kanak mempunyai masa yang cukup. Dalam tempoh tersebut, penyelidik mengunjungi keluarga kanak-kanak yang berkenaan bagi meneliti dan mengamati ujaran yang dilafazkan oleh kanak-kanak tersebut secara dekat. Ahli keluarga seperti ibu, bapa, abang dan kakak kepada kanak-kanak tersebut memainkan peranan penting dalam memberikan dorongan dan sokongan moral kepada kanak-kanak tersebut supaya mereka lebih kerap membuat ujaran.

Selepas tempoh tersebut, penyelidik mengumpul kembali semua pita rakaman bagi tujuan analisis. Penyelidik memerhati dan mengamati ujaran kanak-kanak berpandukan pita rakaman tersebut. Catatan-catatan mengenai ujaran kanak-kanak tersebut ditulis kembali dalam deskripsi. Berpandukan deskripsi tersebut, penyelidik menganalisis ujaran setiap kanak-kanak yang berada dalam tahap pemerolehan bahasa yang dikaji.

Untuk mencatat kata-kata fungsi dan infleksi pula, penyelidik memohon

bantuan ahli keluarga kanak-kanak tersebut seperti ibu bapa, abang dan kakak mereka untuk berinteraksi dengan mereka. Bagi tujuan merangsang kanak-kanak tersebut bertutur, penyelidik menyediakan beberapa set gambar yang berwarna dan tanpa warna sebagai aktiviti rangsangan kepada kanak-kanak tersebut. Gambar-gambar yang disediakan oleh penyelidik mencakupi kehidupan harian kanak-kanak seperti gambar benda, gambar binatang, dan gambar bunga. Selain gambar-gambar tersebut, penyelidik juga menyediakan beberapa set alat permainan seperti anak patung, kereta kecil, dan bola untuk merangsang kanak-kanak tersebut bertutur.

Dalam tempoh kajian tersebut, penyelidik turut berinteraksi dengan kanak-kanak berkenaan. Penyelidik membuat lawatan bagi memerhati dan mengamati bentuk-bentuk perbualan kanak-kanak yang berkenaan. Setiap pertuturan kanak-kanak yang dikaji dirakam dengan bantuan pita rakaman mudah alih oleh ahli keluarga kanak-kanak tersebut. Selepas itu, penyelidik mengumpul kembali semua pita rakaman tersebut untuk tujuan analisis. Penyelidik menganalisis ujaran ayat kanak-kanak tersebut mengikut struktur tatabahasa dari aspek kata nama, kata kerja, dan kata adjektif. Penyelidik juga menganalisis jenis-jenis ayat yang diujarkan oleh kanak-kanak tersebut.

Bagi kanak-kanak yang berada pada peringkat perkembangan ayat-ayat kompleks pula, penyelidik membuat pemerhatian di peringkat prasekolah, iaitu di tadika ketika guru-guru prasekolah sedang mengajar, penyelidik sendiri turut berinteraksi dengan kanak-kanak tersebut. Penyelidik memberikan gambar-gambar untuk diwarnakan oleh kanak-kanak kajian. Selain itu, kanak-kanak kajian juga diberi kebebasan untuk melukis sesuatu yang disukai mereka. Perbualan antara guru tadika dan penyelidik dengan kanak-kanak berkenaan dirakam dan dicatat. Setelah kanak-kanak kajian selesai mewarnakan sesuatu set gambar, guru menyuruh kanak-kanak tersebut menunjukkan gambar itu kepadanya dan kepada kawan-kawannya yang lain. Penyelidik juga memberikan satu set cerita bergambar kepada kanak-kanak kajian untuk menggalakkan mereka bercerita kepada kawan-kawan mereka. Pada masa itulah data-data perbendaharaan kata kanak-kanak dikumpul oleh penyelidik melalui pemerhatian dan rakaman.

PENGANALISISAN DATA

Analisis Kualitatif

Analisis kualitatif ini dibuat terhadap pertuturan kanak-kanak lelaki dan

kanak-kanak perempuan yang berumur antara enam bulan hingga lima tahun untuk menghuraikan ujaran umum yang terdapat pada peringkat awal berbilang kata. Segala ujaran umum yang dituturkan oleh kanak-kanak diklasifikasikan mengikut empat peringkat pemerolehan bahasa. Akhir sekali, penyelidik membuat transkripsi data daripada bentuk lisan kepada bentuk tulisan.

PERSEMBAHAN DAPATAN

Peringkat Vokalisasi

Hasil kajian pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu yang dikaji menunjukkan dapatan yang selaras dengan teori pemerolehan bahasa Steinberg (1995), iaitu bayi yang berumur antara enam bulan hingga 11 bulan belum dapat bercakap tetapi boleh mengeluarkan berbagai-bagai bunyi melalui mulutnya. Dia menangis, menguku seperti bunyi burung, merobok seperti bunyi air keluar dari botol yang bermulut kecil, menghembus, meludah, membuihkan mulut, mencacap dan banyak lagi bunyi yang sukar dijelaskan. Walaupun bunyi-bunyi ini bukan bunyi-bunyi bahasa, penghasilan bunyi-bunyi ini membolehkan bayi melatih dan mengawal alat-alat artikulasinya. Di samping itu, bayi dapat melatih menyelaraskan pernafasannya dengan pembikinan bunyi-bunyi tersebut.

Dapatkan ini diperjelas melalui contoh bunyi-bunyi yang dilafazkan oleh kanak-kanak yang dikaji, misalnya ujaran kanak-kanak berpolia suka kata seperti dalam jadual di bawah ini:

Jadual 1 Ujaran kanak-kanak berpolia suka kata.

Bil.	Ujaran kanak-kanak	Pola suku kata
1.	wa ... wa ... wa ...	KV
2.	ma ... ma ... ma ...	KV
3.	we ... we ... we ...	KV
4.	yu ... yu ... yu ...	KV
5.	ci ... ci ... ci ...	KV
6.	ha ... ha ... ha ...	KV

Ahli-ahli psikolinguistik juga menganggap bunyi-bunyi yang dikeluar-kannya oleh kanak-kanak pada peringkat ini sebagai bunyi-bunyi linguistik nurani (semula jadi) yang bersifat sejagat dan semua kanak-kanak termasuk yang pekak, tidak kira apa pun bahasa ibunda mereka, akan membunyikan bunyi-bunyi nurani sejagat ini.

Peringkat membebela lanjutan pula berlaku ketika kanak-kanak berumur antara enam bulan hingga satu tahun. Pada peringkat ini, kanak-kanak didapati mula mengatur ucapannya menurut pola suku kata yang lebih teratur. Secara umumnya berbentuk konsonan vokal (KV). Ucapan suku kata ini mempunyai intonasi yang teratur secara berulang, baik intonasi menurun ataupun intonasi menaik.

Jadual 2 Bentuk ujaran kanak-kanak peringkat membebela lanjutan.

Bil.	Kanak-kanak kajian	Ujaran	Pola suku kata
1.	MZ	cak ... a ... cak ... a ...	KV
2.	MR	cak ... a ... cak ... a ...	KV
3.	NM	cak ... a ... cak ... a ...	KV

Ibu bapa kanak-kanak sering berasa bahawa anak-anak mereka telah mula ingin menyampaikan sesuatu maksud apabila mereka menghasilkan ujaran di atas. Steinberg (1995) menganggap ujaran seperti ini sebagai ucapan linguistik yang bermakna.

Penyelidik memerhatikan perlakuan yang ditunjukkan oleh MZ, MR dan NM sewaktu mengujarkan bunyi di awal, iaitu [ca?] yang agak menaik dan akan menurun pula pada bunyi [a]. Bunyi yang diujarkan oleh MZ, MR dan NM ini berdasarkan bunyi yang disebut oleh orang dewasa (ibunya). Kanak-kanak tersebut mengujarkan bunyi sedemikian apabila mereka berada dalam situasi gembira. Mereka ketawa apabila mendengar bunyi tersebut dan mereka mengajuk bunyi tersebut. Inilah yang dimaksudkan kanak-kanak tersebut menyampaikan perasaan gembira mereka kepada ibunya tetapi kanak-kanak tersebut tidak bertindak balas terhadap orang asing (penyelidik).

Hasil pemerhatian menunjukkan bahawa ujaran seperti yang terkandung dalam Jadual 1 dan Jadual 2 wujud pada setiap kanak-kanak yang dikaji. Hal ini berlaku kerana ibu dan bapa kanak-kanak tersebut sering melafazkan

bunyi tersebut. Kanak-kanak pula meniru bunyi-bunyi ujaran tersebut. Hal ini membuktikan bahawa kanak-kanak meniru bentuk bunyi yang kerap didengarnya, khususnya bunyi yang diujarkan oleh orang yang paling rapat dengan mereka.

Kanak-kanak di peringkat vokalisasi banyak mengujarkan bunyi-bunyi dengan tujuan yang tertentu seperti yang dipaparkan dalam jadual yang berikut:

Jadual 3 Ujaran bunyi dengan tujuan yang tertentu.

No.	Ujaran	Pola suku kata	Tujuan/Maksud
1.	aa ... aa ... aa	VV	Meminta sesuatu seperti botol susu.
2.	wa ... wa ... wa	KV	Menunjukkan rasa terperanjat melihat benda-benda seperti alat-alat permainan.
3.	na ... na ... na	KV	Mengantuk atau hendak tidur.
4.	he ... he ... he ...	KV	Menangis seolah-olah marah kerana tidak diberi perhatian seperti didukung atau dipujuk.
5.	ye ... ye ... ye	KV	Menunjukkan rasa gembira.

Berdasarkan pemerhatian, penyelidik menyifatkan bunyi-bunyi yang diujarkan oleh subjek kajian di peringkat membebaskan lanjutan ini membawa maksud yang tertentu. Peringkat vokalisasi juga melibatkan penggunaan bunyi bahasa, terutamanya suku kata vokal dan konsonan vokal, seperti [a], [u], [ma], [gi], [wa], [na], dan [pa]. Pengulangan bunyi-bunyi ini memberi bayi kualiti bunyi-bunyi serupa bahasa, contohnya “mama”, “gigi”, “papa”, terutama apabila bunyi-bunyi ini melibatkan pola intonasi dalam bahasanya. Sewaktu vokalisasi ini berterusan, bunyi-bunyi bayi lebih menyerupai bunyi-bunyi bahasa yang didedahkan kepadanya.

Peringkat Holofrasa

Mengikut Steinberg (1995), apabila kanak-kanak berumur lebih kurang 10 bulan, mereka mula memasuki peringkat holofrasa. Steinberg menganggap peringkat ini sebagai peringkat linguistik pertama. Di peringkat inilah, kanak-kanak menyampaikan keinginannya dengan mengucapkan satu patah kata sahaja.

Ucapan holofrasa dapat ditafsir sebagai satu ayat lengkap yang mendukung

satu makna. Ujaran kanak-kanak dapat difahami oleh orang dewasa dengan merujuk persekitaran dan situasi pada waktu ucapan itu diujarkan.

Penyelidik telah mengumpulkan beberapa perkataan yang kerap diujarkan oleh kanak-kanak yang berada di peringkat holofrasa. Kanak-kanak ternyata lebih terdedah kepada nama benda dan tingkah laku orang dewasa yang berada dalam lingkungan persekitarannya. Kanak-kanak juga lebih terdedah kepada amalan harian seperti bermain bola, bermain alat-alat permainan, memerhatikan kerensah kanak-kanak lain dan sebagainya. Hasil pemerhatian menunjukkan bahawa kanak-kanak yang dikaji lebih banyak menyebut kata nama.

Jadual 4 Kata nama yang diujarkan oleh kanak-kanak yang dikaji.

Ujaran kanak-kanak	Makna ujaran
syusyu	susu
aju	baju
ola	bola
taki	kaki
uti	roti
embut	rambut
bebi	bayi
ucing	kucing
eta	kereta
caca	basikal

Jadual 5 Kata kerja yang diujarkan oleh kanak-kanak yang dikaji.

Ujaran kanak-kanak	Makna ujaran
inum	minum
akan	makan
ayang	sayang
indi	mandi
dur	tidur

Perkataan yang diujarkan oleh kanak-kanak ialah perkataan yang pernah didengar oleh mereka, iaitu perkataan yang sering diucapkan oleh ibu bapa atau orang yang terdekat dengan mereka. Namun begitu, semua subjek kajian belum dapat mengujarkan sesuatu perkataan yang didengar dengan betul. Kanak-kanak menggugurkan bunyi awal sesuatu perkataan dan mengekalkan suku kata akhir perkataan tersebut. Pada peringkat ini, kanak-kanak masih belum dapat menyebut sesuatu perkataan dengan bunyi yang betul. Kanak-kanak masih menyebut sesuatu berdasarkan bunyi vokalisasi.

Jadual 6 Pengguguran bunyi konsonan awal.

Ujaran kanak-kanak	Makna ujaran
ola	bola
opi	topi
aju	baju
taki	kaki
uti	roti
aki	kaki
ata	mata
uli	lori

Dapatan juga menunjukkan bahawa suku kata akhir sesuatu perkataan dapat diujarkan dengan lebih cepat oleh kanak-kanak. Walaupun kanak-kanak belum dapat mengujarkan sesuatu perkataan yang didengar dengan betul, Steinberg tetap beranggapan bahawa ujaran tersebut mendukung satu ayat yang terdiri daripada satu patah kata. Pada peringkat ini, kanak-kanak belum dapat menyebut sesuatu kata dengan betul. Hal ini kerana pemerolehan bahasa kanak-kanak di peringkat holofrasa lebih tertumpu kepada bunyi-bunyi di hujung perkataan. Dari aspek fonologi, kanak-kanak dalam kajian ini telah dapat mengujarkan bunyi-bunyi perkataan satu patah kata dengan menitikberatkan bunyi hujung kata tersebut. Kanak-kanak tidak dapat menyebut bunyi awal ujaran tersebut dengan tepat. Subjek kajian lebih mudah membunyikan perkataan berhuruf vokal depan seperti contoh dalam jadual di bawah berbanding dengan huruf-huruf konsonan.

Jadual 7 Perkataan berhuruf vokal depan.

Ujaran kanak-kanak	Makna ujaran
a ... ju (aju)	baju
o ... la (ola)	bola
i ... num (inum)	minum
a ... yang (ayang)	sayang
i ... cang (pisang)	pisang
u ... cing (ucing)	kucing
a ... ngan (angan)	tangan
a ... kan (akan)	makan
i ... sau (icau)	pisau
a ... ki (aki)	kaki
u ... ti (uti)	roti
i ... pas (ipas)	kipas

Dari aspek morfologi pula, subjek kajian telah berupaya membentuk dan memiliki perbendaharaan kata yang banyak berdasarkan peniruan perkataan daripada ibu bapa mereka. Pada kebiasaannya, perkataan-perkataan tersebut mempunyai hubungan dengan latar belakang dan persekitaran kanak-kanak. Kanak-kanak juga faham dan mengetahui makna perkataan berdasarkan tindak balas yang diperhatikan apabila perkataan itu didengar atau disebut oleh ibu bapa. Namun begitu, kanak-kanak belum berupaya untuk memperoleh unsur morfologi yang lengkap dan sempurna seperti yang dimiliki oleh orang dewasa.

Mereka masih tidak dapat menyebut perkataan tersebut dengan betul seperti orang dewasa. Pada peringkat ini, kanak-kanak telah dapat membezakan golongan Kata Nama (KN) dan Kata Kerja (KK). Kanak-kanak juga mengujarkan perkataan berdasarkan bunyi yang diterbitkan oleh sesuatu benda tersebut. Hal ini terbentuk kerana lazimnya kanak-kanak memperoleh sesuatu dari persekitarannya dan menyebut nama benda itu berdasarkan sifat yang ada pada benda tersebut seperti benda yang mengeluarkan bunyi.

Peringkat Telegrafik

Mengikut Steinberg (1995), apabila kanak-kanak berumur lebih kurang dua tahun, kanak-kanak sudah berada pada peringkat pemerolehan telegrafik, iaitu ucapan dua atau tiga kata. Misalnya, kanak-kanak menudingkan jarinya ke arah kapal terbang mainan dan berkata “mbang”. Setelah berhenti sekejap kanak-kanak itu akan sebut “dik”. Kalau kedua-dua holofrasa itu digabungkan, kita mendapat maksud “kapal terbang adik”.

Kanak-kanak pada peringkat ini sudah dapat berbual dengan orang dewasa dengan menyebut ayat-ayat pendek, iaitu ayat-ayat yang terdiri daripada dua kata. Kanak-kanak ini juga sudah mula memahami ayat-ayat yang ditujukan kepada mereka. Berdasarkan kajian ini, penyelidik mendapati kanak-kanak yang berada pada peringkat ini sudah dapat menggabungkan dua holofrasa yang mendukung erti yang hendak disampaikan oleh kanak-kanak tersebut.

Dari aspek fonologi, kanak-kanak tersebut sudah dapat mengujarkan kata-kata yang hampir sama dengan sebutan baku (sebutan sebenar). Namun demikian, perkataan yang pertama masih tidak dapat disebut dengan betul. Begitu juga dengan perkataan yang kedua, kanak-kanak hanya mampu membunyikan suku kata akhir perkataan tersebut.

Jadual 8 Pola ujaran kanak-kanak peringkat telegrafik.

Ujaran kanak-kanak	Makna ujaran
Aju tak	baju kakak
Akan sik	makan nasi
Nak uti	hendak roti
Pa mbang	kapal terbang
Akan pok	makan keropok
Ola pik	bola Shafik
Eta yah	kereta ayah
Nak lo	hendak Milo
Akai adak	pakai bedak
Ayang ebi	sayang bayi
Yah kerja	ayah kerja
Liling dik	loceng adik
Aju dik	baju adik
Engok evi	tengok TV
Akan weh	makan kuih

Dari aspek morfologi pula kanak-kanak telah dapat menguasai lebih banyak perbendaharaan kata. Kanak-kanak sudah mampu menggabungkan dua kata dalam satu ayat yang diujarkan. Berdasarkan pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa kanak-kanak masih belum dapat menguasai morfologi secara sempurna seperti seorang dewasa. Pada peringkat ini, kanak-kanak masih terbawa-bawa oleh pengalaman pada tahap holofrasa. Ini kerana kanak-kanak tidak dapat menyebut sesetengah kosa kata dengan sempurna dan lengkap. Kanak-kanak hanya mampu menyebut suku kata pada bahagian akhir perkataan, jika perkataan tersebut mempunyai lebih daripada dua suku kata. Namun begitu, kanak-kanak ini sudah dapat menguasai lebih banyak golongan kata seperti kata nama, kata kerja, dan kata adjektif. Yang berikut diperturunkan contoh kata nama, kata kerja, dan kata adjektif yang telah dikuasai oleh kanak-kanak di peringkat telegrafik.

Jadual 9 Contoh kata nama peringkat telegrafik.

Ujaran kanak-kanak	Makna ujaran
sik	nasi
Icang	pisang
pambang	kapal terbang
adak	bedak
aju	baju

Jadual 10 Contoh kata kerja peringkat telegrafik.

Ujaran kanak-kanak	Makna ujaran
inum	minum
akan	makan
acau	kacau
akai	pakai
ngok	tengok

Jadual 11 Contoh kata adjektif peringkat telegrafik.

Ujaran kanak-kanak	Makna ujaran
ayang	sayang
angi	wangi
ahat	jahat
ndap	sedap

Dari aspek sintaksis pula, walaupun kanak-kanak ini hanya dapat mengujarkan dua patah kata, Steinberg tetap beranggapan bahawa kanak-kanak ini telah mampu membentuk ayat-ayat yang membawa makna yang dapat difahami oleh pendengar. Kanak-kanak ini lebih banyak mengujarkan ayat-ayat penyata.

Jadual 12 Contoh ayat peringkat telegrafik.

Ujaran kanak-kanak	Makna ujaran
pambah dik	kapal terbang adik
ini ola	ini bola
eta ayah	kereta ayah
mak erja	mak kerja
hei angi	hei wangi
aju tak	baju kakak

Dapatan ini menunjukkan terdapatnya satu ayat perintah yang diujarkan oleh kanak-kanak, iaitu “Angan acau” yang membawa makna “jangan kacau”. Kanak-kanak juga mampu mengujarkan ayat seruan tetapi bilangannya hanya satu, iaitu “Duk kit” yang membawa makna “aduh, sakit”.

Pada peringkat ini, kanak-kanak mengucapkan gabungan kata dengan cara yang amat ringkas. Seolah-olah berlaku penjimatan kata yang keterlaluan. Oleh itu, peringkat ini dikenali sebagai peringkat telegraf. Pada peringkat ini, kanak-kanak jarang sekali mengucapkan kata-kata tugas. Ayat dibina dengan kata-kata inti sahaja. Dapat dilihat bahawa pada peringkat

ini, kanak-kanak masih belum dapat menggunakan morfem-morfem terikat. Pada peringkat ini hanya terdapat ujaran kata-kata inti sahaja dalam ujaran kanak-kanak.

Ternyata bahawa pada peringkat telegrafik ini, kanak-kanak sudah mampu dan bijak membina ayat-ayat yang ringkas yang tergolong dalam beberapa jenis ayat seperti ayat perintah, ayat permintaan, ayat penyata, ayat seruan, dan ayat tanya. Kanak-kanak menggunakan ayat-ayat lengkap bagi mengungkapkan tujuan atau hasratnya yang khusus yang ditujukan kepada orang yang rapat dengannya. Pemahaman kanak-kanak tentang ayat bergantung pada faktor interaksi, konteks, tempat, dan peristiwa yang dialami mereka sehari-hari.

Peringkat Ayat Kompleks

Kanak-kanak pada peringkat ini sudah gemar bercakap dan berinteraksi dengan orang yang terdekat dengan mereka seperti ibu bapa dan ahli-ahli keluarga. Malahan mereka sudah dapat memahami perbualan-perbualan yang berlatarkan situasi dan pengalaman hidup mereka.

Dari aspek fonologi, kanak-kanak sudah mula dapat menyebut perkataan-perkataan yang menyamai sebutan orang dewasa berdasarkan pemerhatian dan peniruan mereka sepanjang tempoh bersama-sama keluarga di samping latihan-latihan sebutan yang kerap dilakukan melalui bimbingan orang dewasa.

Dari aspek morfologi, kanak-kanak sudah mula mendapat banyak perbendaharaan kata yang ada hubungan dengan latar belakang dan persekitaran kanak-kanak yang dikaji. Banyak atau sedikitnya perbendaharaan kata bergantung pada kekerapan interaksi yang berlaku antara kanak-kanak tersebut dengan orang dewasa.

Dari aspek sintaksis pula, kanak-kanak sudah dapat mengujarkan ayat-ayat mudah yang berupa ayat selapis, iaitu ayat yang mengandungi satu subjek dan satu predikat. Walau bagaimanapun, kanak-kanak ini masih lagi terikat dengan ujaran ayat penyata. Ayat penyata lebih banyak daripada jenis-jenis ayat yang lain. Kanak-kanak ini juga sudah dapat mengujarkan ayat-ayat yang beraneka ragam dengan gabungan kata nama, kata kerja, kata ganti nama, dan kata adjektif. Selain itu, kanak-kanak ini juga sudah dapat mengujarkan kata nafi dan beberapa unsur bahasa yang lain.

Apabila kanak-kanak berumur antara empat hingga lima tahun, kanak-kanak tersebut mula memasuki peringkat kecekapan penuh dalam pemerolehan lisan bahasa Melayu. Menurut Steinberg (1995), kanak-kanak

normal telah dapat menguasai unsur-unsur asas sintaksis bahasa ibundanya dan telah memiliki perlakuan (pemahaman dan penerbitan) yang memadai yang membolehkannya berkomunikasi. Walau bagaimanapun, perbedahan katanya masih dianggap kurang tetapi terus meningkat dengan kecepatan yang menakjubkan.

Dari aspek fonologi, berdasarkan pemerhatian ke atas subjek kajian, didapati bahawa kanak-kanak mengujarkan nama benda dan sebutan-sebutan yang lain dengan jelas dan tepat. Intonasi perkataannya juga jelas dan tepat, terutamanya bagi perkataan-perkataan yang melibatkan gabungan dua suku kata.

Contoh:

Bunga	=	Bu - nga
Payung	=	Pa - yung
Budak	=	Bu - dak
Pisang	=	Pi - sang
Kuda	=	Ku - da
Kucing	=	Ku - cing
Jagung	=	Ja - gung
Burung	=	Bu - rung
Rumah	=	Ru - mah
Ayam	=	A - Yam
Kayu	=	Ka - yu

Manakala bagi perkataan-perkataan yang melibatkan lebih daripada tiga suku kata, didapati subjek kajian kurang lancar menyebutnya. Mereka dapat menyebutnya, tetapi kurang tepat.

Contoh:

kereta	=	ke - re - ta
kereta api	=	ke - re - ta - pi
minuman	=	mi - num - an
makanan	=	ma - kan - an
bercerita	=	ber - ceri - ta
membaca	=	mem - ba - ca
surat khabar	=	su - rat - kha - bar
menangis	=	me - na - ngis
menjahit	=	men - ja - hit

Dari aspek morfologi, berdasarkan pemerhatian penyelidik, kesemua subjek kajian dapat mengutarakan dan mengujarkan perbendaharaan kata sebanyak mungkin berdasarkan bahan rangsangan seperti gambar-gambar yang disediakan oleh penyelidik. Subjek kajian dapat membezakan jenis-jenis perbendaharaan kata yang dinyatakan oleh mereka yang melibatkan kata nama, kata kerja, dan kata adjektif.

Contoh kata nama:

bunga	jam	jagung	itik
payung	kuda	burung	ayam
budak	kucing	rumah	pisang

Dari aspek pemerolehan sintaksis pula, berdasarkan kajian ini, didapati kanak-kanak pada peringkat umur empat hingga lima tahun telah dapat mengujarkan pelbagai ragam ayat. Namun, ayat-ayat yang diujarkan itu merupakan ayat-ayat yang mudah, iaitu ayat-ayat selapis yang mengandungi satu subjek dan satu predikat sahaja. Data ini diperoleh melalui aktiviti mewarna gambar-gambar yang disediakan oleh penyelidik.

Contoh ayat mudah (selapis) satu subjek dan satu predikat:

- | | | |
|----|---|--|
| AE | - | Dia naik kuda.
Kucing itu lari laju.
Air itu panas.
Siti buat kopi. |
| MZ | - | Neneh jahit baju.
Rumah datuk besar.
Datuk baca surat khabar.
Kami ada ayam. |
| MH | - | Dia seronok tunggang kuda.
Kami pergi rumah neneh.
Rumah neneh di kampung.
Siti pegang dengan tangan. |
| JJ | - | Kami pergi tengok itik.
Ayam pun ada di situ.
Rumah itu kecil.
Siti membuat air teh. |
| NN | - | Dia bawa jam.
Kuda lari laju. |

- Kucing itu takut.
Siti buat air kopi.
- FS - Rumah datuk ada pokok kelapa.
Nenek duduk di kerusi.
Emak bawa buah-buahan.
Dia menjerit memanggil emak.

Berdasarkan kajian ini juga, didapati kanak-kanak pada peringkat ini lebih banyak mengujarkan bentuk ayat aktif daripada ayat pasif. Ini disebabkan kanak-kanak tersebut lebih terdedah kepada bentuk ayat aktif daripada ayat pasif. Kanak-kanak ini didapati masih tidak mampu menukar ayat aktif kepada ayat pasif. Sepanjang tempoh kajian ini, penyelidik tidak dapat mengutip atau mengumpul sebarang data mengenai ayat pasif sewaktu berinteraksi dengan kanak-kanak tersebut.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa peringkat pemerolehan bahasa melibatkan proses kognitif dan interaksi. Proses yang pertama melengkapkan kanak-kanak dengan kebolehan mentafsirkan makna. Manakala proses yang kedua pula menyediakan konteks bagi kanak-kanak menguasai cara menggambarkan makna kognitif ke dalam bentuk bahasa yang paling tepat. Selain itu, dapatan kajian ini juga menyokong pendapat Steinberg (1995), iaitu kecekapan pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak bergantung pada peringkat umurnya.

Pada keseluruhannya, dapatan kajian ini selaras dengan teori pemerolehan bahasa yang dikemukakan oleh Steinberg (1995). Implikasi dapatan kajian ini membuktikan kecekapan kanak-kanak menguasai kata nama berdasarkan kata yang selalu digunakan di rumah. Kanak-kanak hanya akan menggunakan kata yang mudah dan ketara berdasarkan pemerhatian mereka. Penguasaan kata nama kanak-kanak tidak berlaku secara sewenang-wenangnya. Dalam proses penguasaan bahasa, kanak-kanak selalu menggunakan strategi pemudahan bagi menggambarkan makna yang telah dikuasai oleh mereka.

Penyelidik mendapati bahawa hasil kajian ini penting untuk memperkuuh maklumat tentang peringkat ayat kompleks pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak Melayu. Selain itu, dapatan juga menunjukkan faktor ibu bapa dan persekitaran turut mempengaruhi proses penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak Melayu.

RUJUKAN

- Cromer, Richard F., “Developmental Strategies for Language” dlm. *The Development of Cognitive Processes*. London: Academic Press, hlm. 305–358, 1976.
- Piaget, J., 1953. *The Origin of Intelligence in the Child*. New York: International Universiti Press.
- Sinclair, H., “The Transition from Sensory-Motor Behaviour to Symbolic Activity” dlm. *Interchange*, 1, 3, hlm. 119–129, 1970.
- Steinberg, 1995. *Learning about Language An Introduction to Psycholinguistics*. London & New York: Longman.
- Vijayaletchumy a/p Subramaniam, 2000. “*Pemerolehan Bahasa dalam Kalangan Kanak-kanak Melayu*”, Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.